



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perbadanan Padang Golf Subang 1968
DR.21/1968

RANG UNDANG² PERBADANAN PADANG
GOLF SUBANG

SUSUNAN FASAL²

BAHAGIAN 1
PERMULAAN

Fasal

1. Tajok ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN 2
PERBADANAN

3. Penubohan Perbadanan.
4. Kuasa Perbadanan.
5. Ahli² Perbadanan.
6. Kekosongan jawatan.
7. Achara Perbadanan.
8. Suratchara yang di-sempurna atau di-keluarkan oleh atau bagi pihak Perbadanan.

BAHAGIAN 3
WANG PERBADANAN

9. Hasil Perbadanan.
10. Kewangan Perbadanan.
11. Kira² dan odit.

BAHAGIAN 4
'AM

12. Laporan² tahunan dan penyata² berkala.
13. Kuasa Perbadanan membuat kaedah².
14. Pemakaian Ordinance Perlindungan Pihak-berkuasa Awam.

SUATU RANG UNDANG²

bernama

Suatu Act bagi menubuhkan Perbadanan Padang Golf Subang dan untok membuat peruntukan bagi perkara² yang berkaitan dengan-nya.

[

]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut :

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

1. Act ini boleh-lah di-namakan Act Perbadanan Padang Golf Subang, 1968, dan hendak-lah mula berkuatkuasa pada sa-suatu tarikh sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Mentri melalui pemberitahu dalam *Warta Kerajaan*. Tajok ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Di-dalam Act ini melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki ma'ana yang lain— Tafsiran.

“ahli” erti-nya sa-orang ahli Perbadanan yang di-lantek di-bawah sekshen 5;

“Mentri” erti-nya Mentri yang pada masa itu bertanggung-jawab atas Perbadanan ini;

“hasil” termasuk-lah pemberian, charuman, dermakekal, hadiah atau harta-wasiat yang di-beri kepada atau untok faedah Perbadanan ini dan apa² wang lain yang kena di-bayar kepada dan di-terima oleh-nya dan termasuk-lah apa² wang dan pendapatan² wang yang di-dapati di-bawah sekshen 9.

BAHAGIAN 2

PERBADANAN

3. (1) Ada-lah dengan ini di-tubuhkan suatu pertubohan yang menjadi suatu pertubohan yang di-perbadankan bernama “Perbadanan Padang Golf Subang” (di-bawah ini di-rujuk sa-bagai “Perbadanan”) dan hendak-lah kekal turun temurun dan boleh menda'awa dan di-da'awa atas nama perbadanan-nya dan boleh membuat kontrek². Penubohan Perbadanan.

(2) Perbadanan hendak-lah mempunyai suatu meteri dan boleh dari sa-masa ka-samasa membuat, menukar, mengubah dan membuat baharu meteri tersebut sa-bagai-mana di-fikirkan-nya patut, dan sa-hingga suatu meteri di-adakan di-bawah sekshen ini suatu chap yang meng-andongi perkataan "Perbadanan Padang Golf Subang" boleh-lah di-gunakan sa-bagai meteri perbadanan.

Kuasa
Perbadanan.

4. (1) Perbadanan ada-lah berkuasa—

- (a) untok menubuhkan, mengurus dan menyenggara atau menyebabkan di-urus dan di-senggara mana² padang golf untok di-gunakan berhubung dengan golf atau apa² soka, permainan, riadhah atau perentangmasa, sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh Perbadanan;
- (b) untok memperolehi dengan jalan beli, hadiah atau dengan jalan lain harta yang boleh di-aleh dan yang tak boleh di-aleh dan apa² kepentingan mengenai-nya, dan untok melepaskan atau dengan chara lain membuat apa² urusan mengenai harta yang boleh di-aleh atau yang tak boleh di-aleh atau apa² kepentingan mengenai-nya yang sa-demikian di-perolehi oleh Perbadanan ini;
- (c) untok mendirikan apa² bangunan di-atas mana² harta yang tak boleh di-aleh kepunyaan Perbadanan ini atau di-atas mana² harta yang tak boleh di-aleh yang sa-suatu kontrek atau perkiraan telah di-buat mengenai-nya di-bawah perenggan (d) dan mengator dan menyediakan harta itu untok apa² soka, permainan, riadhah atau perentangmasa yang mungkin sesuai dan senang di-adakan di-situ, untok mengadakan tempatletak, astaka, jimnasia, bilek minuman, kedai, gerai, tandas dan apa² kemudahan dan kesenangan lain yang berhubung dengan-nya sa-bagaimana di-fikirkan patut oleh Perbadanan;
- (d) untok membuat apa² jua kontrek atau perkiraan dengan jalan pajakan atau lain² berkenaan dengan mana² padang golf atau mana² bangunan atau kemudahan di-atas-nya atau berkenaan dengan mana² harta dengan mana² orang, kumpulan orang atau mana² pihak-berkuasa 'awam terta'alok kepada apa² syarat dan keadaan sa-bagaimana yang mungkin di-luluskan oleh Menteri;
- (e) untok menyenggara, atau membena sa-mula mana² bangunan yang terdiri di-atas tanah Perbadanan;

- (f) untuk menjual, memajak atau memajak-kecil atau dengan cara lain melepaskan mana² tanah yang mungkin tidak di-kehendaki untuk kegiatan sokan atas syarat² dan keadaan² sa-bagaimana yang mungkin di-luluskan oleh Menteri;
- (g) mengadakan atau memajukan apa² sokan, permainan, olah raga, riadhah atau perentangmasa dan memberi atau mencharum terhadap hadiah², pemberian² dan kenamaan²;
- (h) untuk menjalankan perniagaan sa-bagai penjual makanan dan pembekal minuman berlesen;
- (i) dengan persetujuan Menteri menggunakan atau membenar untuk di-gunakan apa² harta Perbadanan bagi apa² maksud sa-bagaimana di-tetapkan oleh Perbadanan sa-lain daripada maksud yang di-rujukkan dahulu daripada ini;
- (j) untuk melantek pegawai², ejen² dan penjawat², atas syarat² tentang saraan dan lain² sa-bagaimana di-tetapkan-nya; dan
- (k) dengan persetujuan Menteri memajukan semua tanah yang mungkin tidak di-kehendaki untuk kegiatan² padang golf atau lain² sokan atau riadhah, untuk maksud² perusahaan atau perumahan atau sa-bagai taman², kebun² atau lain² kemudahan masharakat; dan untuk maksud perenggan ini Perbadanan boleh membuat apa² jua kontrek atau perkiraan dengan mana² orang, kumpulan orang atau pihak-berkuasa 'awam.

(2) Dengan tidak menyentuh keluasan ma'ana peruntukan² sekshen-kecil (1) Perbadanan hendak-lah bertanggung-jawab atas pengurusan dan pengawalan Padang Golf Subang menurut peruntukan² Act ini.

5. (1) Perbadanan hendak-lah terdiri daripada ahli² yang berikut—

Ahli²
Perbadanan.

- (a) empat orang yang di-lantek oleh Menteri mengikut nama atau jawatan, sa-kurang²-nya sa-orang daripada mereka hendak-lah wakil bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan, dan sa-orang wakil bagi Perbendaharaan;
- (b) dua orang yang di-lantek oleh Menteri atas penchalonan Menteri Besar Negeri Selangor; dan
- (c) lima orang yang di-lantek oleh Menteri ia-itu orang² yang pada pendapat Menteri harus akan memberi sumbangan terhadap kemajuan permainan golf.

(2) Maka hendak-lah ada sa-orang Pengerusi dan Timbalan Pengerusi bagi Perbadanan yang di-lantek oleh Mentri dari antara ahli².

(3) Melainkan jika ia terdahulu meletakkan jawatan-nya dengan tulisan yang di-tandatanganinya yang di-'alamatkan kepada Mentri atau jika perlantekan-nya di-batalkan menurut sekshen 6 sa-saorang ahli hendak-lah memegang jawatan sa-lama sa-suatu tempoh (tidak lebeh daripada tiga tahun pada tiap² satu kali) sa-bagaimana yang mungkin di-nyatakan di-dalam surat yang melantek-nya menjadi ahli itu.

(4) Kechuali sa-bagaimana di-peruntokkan dalam sekshen 6 sa-saorang ahli ada-lah layak untuk di-lantek sa-mula.

Kekosongan
jawatan.

6. Jika Mentri berpuashati bahawa sa-orang ahli—

- (a) memegang apa² jawatan atau perlantekan yang kewajipan² dan kepentingan-nya harus akan bertelingkah dengan kewajipan² dan kepentingan²-nya kepada Perbadanan; atau
- (b) sa-lepas di-lantek menurut peruntokan perenggan (c) sekshen-kecil (1) dalam sekshen 5 terhenti pada pendapat Mentri daripada menjadi layak untuk di-lantek di-bawah perenggan itu; atau
- (c) telah tidak menghadhiri meshuarat Perbadanan tiga kali berturut-turut dengan tiada kebenaran daripada Pengerusi; atau
- (d) telah menjadi bankrap atau telah membuat sa-suatu perkiraan dengan sipiutang²-nya; atau
- (e) tidak berdaya oleh kerana sakit jasmani atau otak; atau
- (f) oleh kerana lain tidak boleh atau tidak layak menjalankan tugas² sa-bagai sa-orang ahli;

maka boleh-lah ia membatalkan perlantekan ahli itu.

Achara
Perbadanan.

7. (1) Chukupbilang dalam sa-suatu meshuarat Perbadanan ia-lah enam orang ahli² yang hadir.

(2) Pengerusi atau, jika ia tidak hadir, Timbalan Pengerusi atau, jika kedua²-nya tidak hadir, sa-saorang ahli sa-bagaimana yang di-lantek oleh ahli² yang hadir, hendak-lah mengetuai semua meshuarat Perbadanan.

(3) Semua soal yang berbangkit dalam sa-suatu meshuarat Perbadanan hendak-lah di-putuskan mengikut lebehsuara ahli² yang hadir dan mengundi atas-nya dalam meshuarat

itu dan, jika bilangan undi sama banyak-nya, maka orang yang mengetuai meshuarat itu hendak-lah mempunyai undi pemutus.

(4) Sa-saorang ahli yang hadhir dalam meshuarat Perbadanan hendak-lah sa-kira-nya ia dengan apa² chara, sama ada sa-chara terus atau tidak terus, mempunyai kepentingan kewangan dalam mana² kontrek, kontrek yang di-chadangkan atau apa² perkara lain yang di-binchangkan dalam meshuarat itu, mengishtiharkan keadaan kepentingannya itu kepada Perbadanan dan sa-lepas itu ia tidak-lah boleh hadhir dalam masa perkara itu di-timbang atau di-binchangkan dan tidak-lah boleh mengundi atas apa² soal yang berkaitan dengan-nya.

8. (1) Meteri Perbadanan apabila di-chapkan pada sa-suatu surat-ikatan, suratan atau suratchara lain hendak-lah di-chapkan di-hadapan dan di-saksikan dengan tandatangan Pengerusi atau Timbalan Pengerusi dan sa-orang ahli yang lain.

Suratchara yang di-sempurna atau di-keluarkan oleh atau bagi pihak Perbadanan.

(2) Apa² kontrek atau suratchara yang, sa-kira-nya di-buat atau di-sempurnakan oleh sa-saorang yang bukan-nya suatu pertubohan yang di-perbadankan, tidak akan di-kehendaki di-chap dengan meteri, boleh-lah di-buat atau di-sempurnakan bagi pihak Perbadanan oleh sa-siapa jua yang di-berikuasa dengan 'am atau khas-nya oleh Perbadanan bagi maksud itu terta'alok kepada apa² sekatan tentang nilai atau lain² sa-bagaimana yang mungkin dikenakan di-dalam pemberiankuasa itu.

(3) Apa² surat-ikatan, suratan atau suratchara lain yang berupa sa-bagai telah di-sempurna atau di-keluarkan dengan sa-patut-nya di-bawah meteri Perbadanan atau bagi pihak Perbadanan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai di-sempurna atau di-keluarkan sa-demikian sa-hingga akas-nya di-buktikan.

BAHAGIAN 3

WANG PERBADANAN

9. (1) Perbadanan ada-lah berkuasa menerima apa² pemberian, charuman, dermakekal, hadiah atau harta-wasiat yang di-beri kepada atau untuk faedah-nya.

Hasil Perbadanan.

(2) Dengan persetujuan Menteri Kewangan Perbadanan ada-lah berkuasa untuk meminjam atau mendapatkan wang² bagi maksud kesemua atau mana² tujuan-nya.

(3) Kerajaan boleh dari sa-masa ka-samasa memberi apa² pemberian atau pinjaman yang di-fikirkan-nya patut kepada Perbadanan.

Kewangan
Perbadanan.

10. (1) Maka hendak-lah di-tubuhkan suatu kumpulan wang yang di-namakan Kumpulan Wang Perbadanan Padang Golf Subang (di-bawah ini di-rujuk sa-bagai "Kumpulan Wang") yang semua hasil Perbadanan hendak-lah di-bayar ka-dalam-nya dan semua pembayaran Perbadanan hendak-lah di-buat daripada-nya.

(2) Hasil² Perbadanan bagi sa-suatu tahun kewangan hendak-lah di-gunakan untuk menyelesaikan bayaran² yang berikut bagi tahun itu—

(a) hutang² Perbadanan;

(b) perbelanjaan² kerja dan perjawatan;

(c) penyenggaraan dan pembaharuan harta dan pelaksanaan tugas² Perbadanan yang sa-patut-nya di-kenakan ka-atas hasil.

(3) Jumlah hasil yang tinggal bagi Perbadanan untuk sa-suatu tahun kewangan, sa-telah bayaran² yang di-rujukan dalam sekshen-kechil (2) di-selesaikan, hendak-lah di-gunakan untuk mengganti apa² kekurangan hasil yang di-bawa ka-hadapan daripada tahun² yang sudah, dan baki-nya, jika ada, jumlah itu, sa-telah mengganti kekurangan² itu, hendak-lah dengan sa-berapa segera yang boleh sa-lepas akhir tahun itu di-masokkan ka-dalam kira² simpanan 'am.

(4) Wang² yang ada dalam kredit kira² simpanan 'am pada akhir tiap² tahun kewangan boleh-lah di-gunakan bagi maksud² Perbadanan.

(5) Wang² dalam Kumpulan Wang yang tidak di-kehendaki untuk di-belanjakan pada melaksanakan mana² tugas Perbadanan, jika di-laborkan, hendak-lah di-laborkan oleh Perbadanan ka-dalam pelaboran yang pada masa itu di-benarkan oleh undang² untuk pelaboran wang² amanah:

Dengan syarat bahawa Perbadanan tidak boleh membuat apa² laboran dalam chagaran² yang di-keluar atau di-daftarkan, atau dalam harta lain yang letak-nya di-luar Persekutuan kechuali dengan persetujuan Menteri Kewangan tentang membuat pelaboran itu.

Kira² dan
odit.

11. (1) Perbadanan hendak-lah menyimpan kira² dan rekod² yang sempurna dan hendak-lah menyediakan suatu penyata kira² bagi tiap² tahun kewangan mengikut chara sa-bagaimana di-arahkan oleh Mentri Kewangan.

(2) Kira² Perbadanan hendak-lah di-odit oleh sa-orang juru odit yang akan di-lantek oleh Perbadanan dengan persetujuan Mentri Kewangan.

(3) Apabila sahaja kira²-nya telah di-odit Perbadanan hendak-lah menghantar satu salinan penyata kira² yang di-rujokkan dalam sekshen-kechil (1) kapada Mentri dan Mentri Kewangan bersama² dengan suatu salinan apa² perhatian yang di-buat oleh juru odit itu atas mana² penyata kira² Perbadanan.

(4) Mentri hendak-lah menyebabkan satu salinan tiap² penyata dan perhatian yang di-rujokkan dalam sekshen-kechil (3) itu di-bentangkan di-dalam kedua² Majlis Parlimen.

BAHAGIAN 4

'AM

12. (1) Dengan sa-berapa segera yang boleh sa-lepas akhir tiap² tahun kewangan Perbadanan hendak-lah membuat suatu laporan kapada Mentri menyatakan pada 'am-nya kegiatan² Perbadanan sa-panjang tahun itu dan usaha² yang di-chadangkan-nya untok tahun yang berikut, dan laporan itu hendak-lah mengandongi apa² ma'alumat mengenai perjalanan dan dasar Perbadanan sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Mentri.

Laporan²
tahunan dan
penyata²
berkala.

(2) Mentri hendak-lah menyebabkan tiap² laporan yang di-rujokkan dalam sekshen-kechil (1) di-bentangkan di-dalam kedua² Majlis Parlimen.

(3) Perbadanan hendak-lah memberi kapada Mentri apa² penyata kewangan dan perangkaan atau apa² laporan lain mengenai kedudukan kewangan Perbadanan sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Mentri dari sa-masa ka-samasa.

13. Terta'alok kapada persetujuan Mentri Perbadanan boleh membuat kaedah²—

Kuasa
Perbadanan
membuat
kaedah².

(a) bagi mengator perjalanan Perbadanan, panggilan meshuarat dan perjalanan urusan;

(b) untok perlantekan jawatan-kuasa²;

(c) bagi menguntokkan kewajipan² kapada, dan mengator perjalanan kuasa² kerja oleh, Perbadanan, jawatan-kuasa² dan pegawai² Perbadanan;

(d) bagi mengator perjalanan segala urusan yang di-jalankan dengan mana² padang golf;

(e) bagi mengator perlantekan dan sharat² dan keadaan² perkhidmatan pegawai² dan penjawat² Perbadanan;

- (f) bagi menetapkan bayaran² masok ka-padang golf yang di-urus atau di-senggara oleh atau bagi pehak Perbadanan; dan
- (g) bagi menetapkan apa² perkara yang boleh di-tetapan di-bawah Act ini.

Pemakaian
Ordinance
Perlindungan
Pihak-berkuasa
Awam.
19 tahun
1948.

14. (1) Ordinance Perlindungan Pihak-berkuasa Awam, 1948, hendak-lah di-pakai kapada apa² tindakan, guaman, da'awaan atau langkah² pembicharaan terhadap Perbadanan atau terhadap mana² ahli, pegawai, penjawat atau ejen Perbadanan berkenaan dengan apa² perbuatan, kechuaian atau keingkaran yang di-buat atau di-lakukan oleh Perbadanan atau oleh ahli, pegawai, penjawat atau ejen Perbadanan atas sifat-nya yang demikian.

N.M.B.
Bab 5.

(2) Semua ahli, pegawai dan penjawat Perbadanan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai penjawat awam dalam pengertian Kanun Keseksaan.

HURAIAN

Rang Undang² ini ada-lah bermaksud hendak menubuhkan Perbadanan Padang Golf Subang dengan kuasa² saperti yang di-nyatakan dalam fasal 4.

2. Tujuan 'am Perbadanan ia-lah untok menubuhkan, mengurus dan menyenggara atau menyebabkan di-urus dan di-senggara mana² padang golf untok di-gunakan berhubung dengan golf atau lain² sokan, permainan, riadhah atau perentangmasa sa-bagaimana di-fikirkan patut oleh Perbadanan. Khusus-nya, menurut Act ini, Perbadanan ini ada-lah bertanggung jawab atas pengurusan dan pengawalan Padang Golf Subang.

3. Rang Undang² ini juga memberikuasa kapada Perbadanan, antara perkara² lain, bagi memajukan dengan persetujuan Mentri mana² tanah yang tidak di-kehendaki untok padang golf atau lain² kegiatan sokan atau riadhah, untok maksud² perusahaan atau perumahan atau untok maksud² taman, kebun atau kemudahan masharakat yang lain.

4. Perbadanan hendak-lah terdiri daripada ahli² sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam fasal 5 (1). Chara dan kaedah melantek ahli² ada-lah sa-bagai yang di-peruntokkan dalam fasal 5 (3) dan (4) dan fasal 6. Achara² yang akan di-ikuti dalam meshuarat² Perbadanan ada-lah sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam fasal 7.

5. Bahagian 3 ada-lah mengenai wang² Perbadanan. Menurut Bahagian itu kerajaan boleh dari sa-masa ka-samasa membuat pemberian² atau pinjaman kapada Perbadanan; dan Perbadanan ada-lah di-berikuasa menerima pemberian², charuman² dan dermakekal, hadiah² dan harta-wasiat yang di-buat kapada atau untok faedah-nya. Terta'alok kapada persetujuan Mentri Kewangan, Perbadanan ada-lah jua berkuasa bagi mendapatkan wang untok kesemua atau mana² daripada tujuan²-nya (fasal 9).

6. Perkara² berkenaan dengan kewangan Perbadanan ada-lah di-per-
untokkan dalam fasal 10. Perkara² berkenaan dengan laporan tahunan
Perbadanan dsb. dan kuasa² Perbadanan bagi membuat kaedah² bagi
maksud melaksanakan peruntokan² Act yang di-chadangkan ini ada-lah
di-nyatakan dalam fasal 12 dan 13.

7. Fasal 14 menggunakan perlindungan Ordinance Perlindungan Pehak-
berkuasa Awam, 1948, berkenaan dengan apa² tindakan atau langkah²
pembicharaan terhadap Perbadanan atau mana² ahli-nya atau pegawai,
penjawat atau ejen Perbadanan. Semua ahli, pegawai dan penjawat
Perbadanan ada-lah di-sifatkan sa-bagai penjawat awam dalam
pengertian Kanun Keseksaan.

[P.N. 4429.]

